

**TEKS UCAPAN**  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS MAKAN MALAM**  
**PROGRAM INOVASI SOSIAL**  
**DI KAMPUNG PERMATANG LIMAU MANIS, SANGLANG**  
**PADA 9 DISEMBER 2011**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, dan Salam  
Sejahtera

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mat Isa Sabu, Menteri Besar  
Perlis dan isteri.

Yang Dihormati En. Mohd Ghazali Rahman, JKKK Kampung  
Permatang Limau Manis

Yang berusaha Penyelaras Kampung dari PPIPT,

Pensyarah-Pensyarah PPIPT, dan seterusnya hadirin dan hadirat  
sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T di atas rahmat dan inayahNya dapat kita bersama-sama berkumpul pada malam yang sungguh indah dalam satu suasana yang ceria dan bermakna buat kita semua. Sebagai Naib Canselor UniMAP saya amat berbangga dan ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan negeri Perlis dibawah pimpinan Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Dr Md Isa Sabu di atas komitmen yang diberikan ini. Walaupun siang tadi YAB telahpun meluangkan masa bersama UniMAP di Kampus Sungai Chuchoh bagi majlis penyerahan Peralatan Kajian Continuous Counter Current Extraction (CCE) kepada UniMAP dan malam ini, sekali lagi YAB hadir sebagai tanda sokongan terhadap program kita ini. Berikan tepukan yang gemuruh buat YAB Menteri Besar Perlis yang kita kasihi ini.

Izinkan juga saya untuk menitip ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada JKKK Kampung Permatang Limau Manis kerana memberi peluang dan kesempatan untuk kami mengadakan program Inovasi Sosial di kampung ini. Saya percaya kerjasama ini akan mengeratkan lagi hubungan masyarakat kampung ini dengan warga UniMAP. InsyaAllah

Hadirin sekalian,

Kita tahu bahawa masyarakat Malaysia adalah masyarakat yang terdiri dari berbilang kaum, agama dan keturunan. Oleh itu, selaras dengan hasrat Perdana Menteri kita mengenai Gagasan '1Malaysia', UniMAP telahpun menyahut seruan itu dengan melibatkan 50 pelajar pelbagai kaum dari Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan (PPIPT) UniMAP untuk diletakkan bersama 25 keluarga angkat dari Kampung Permatang Limau Manis. Ini bagi membuktikan walaupun kita berbeza warna kulit dan kepercayaan tetapi kita masih mampu untuk hidup dalam keadaan harmoni dan saling tolong menolong antara satu sama lain tanpa mengambil kira semua perbezaan tersebut.

Kepada para ibu bapa angkat, saya berharap agar anda dapat memberi tunjuk ajar kepada para pelajar ini bagi memberi kefahaman erti kemasyarakatan kepada orang kampung seperti kita ini dan juga berkongsi adat resam orang Perlis yang terkenal dengan sifat 'hemoi'nya. Anggaplah mereka seperti anak sendiri yang boleh ditunjuk ajar demi kebaikan masa depan mereka. Ini juga secara tidak langsung akan mengeratkan hubungan yang baru terjalin supaya berkekalan di masa hadapan.

Hal ini kerana saya berkeyakinan penuh bahawa apabila wujud persefahaman dan kerjasama erat seperti ini antara masyarakat dan juga para pelajar, ini bukan sahaja akan meningkatkan prestasi akademik pelajar malah dapat melahirkan modal insan yang mempunyai semangat dan jati diri yang baik hasil nilai tambah yang ada dalam pengisian proram yang kita laksanakan ini.

Hadirin sekalian,

Untuk makluman para hadirin, aktiviti yang akan dijalankan sepanjang program ini akan memerlukan penglibatan yang aktif dari kedua-dua belah pihak. Sesungguhnya, saya berasa berbesar hati kerana dapat berkongsi dengan tuan-tuan dan puan-puan akan inovasi terbaru UniMAP seperti Mesin Pemerah Santan. Saya berharap dengan pengenalan ini akan dapat memberi sedikit gambaran kemajuan teknologi kita dewasa ini dalam membantu meningkatkan taraf kehidupan kita masyarakat desa.

Saya juga dimaklumkan bahawa akan terdapat aktiviti gotong-royong menyediakan bubur 'asyura pada hari Sabtu petang dan diharapkan aktiviti sebegini akan dapat menyuntik pengalaman baru kepada pelajar dalam mengenali budaya tradisi Melayu utara.

Rasanya tidak perlu untuk saya berucap panjang pada malam ini. Akhir kata, saya berharap agar kita dapat bekerjasama lagi di masa akan datang dalam pelbagai lagi program yang akan UniMAP anjurkan. Sebagai insan biasa, saya bagi pihak warga UniMAP terlebih dahulu ingin menyusun sepuluh jari memohon maaf sekiranya terdapat sebarang kekurangan dalam pelaksanaan program ini nanti. Ini kerana *'Yang baik itu dari Allah SWT, yang buruk itu dari kelemahan kami, warga UniMAP itu sendiri'*.

**Di Kampung Permatang Limau Manis, kehadiran diterima,**

**Bagi membina, hubungan yang murni,**

**Kalau tuan pun sudi menerima,**

**Akan kami kembali lagi kesini,**

Sekian. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.